KAJIAN SEJARAH TEMPATAN

TINGKATAN DUA
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
GOMBAK SETIA
SELANGOR, DARUL EHSAN

Oleh.....

Heilmy b. Idris
Suzita bte. Ghazali
Bahariiah bte. Ariffin
Siti Noraliza bte. Rahmat
Azhani bte. Abdul Aziz
Hasleena bte. Othman
Heidy b. Idris
Nik Adlee Saha

Guru Sejarah:
Cik Rogayah bte. Redzuan

Kajian Sejarah Tempatan Tingkatan Dua S.M.K.G.S.

Sekolah Menengah Kebangsaan Gombak Setia Selangor Darul Ehsan.

KANDUNGAN:

1. PENGENALAN.
2. KEDUDUKAN MEMORIAL TUN ABDUL RAZAK
3. SEJARAH MEMORIAL TUN ABDUL RAZAK
4. BANGUNAN (SRI TAMAN)
5. MEMORIAL TUN ABDUL RAZAK.
6. PERKARANGAN BANGUNAN.
7. TUN ABDUL RAZAK.
8. ULASAN DAN PANDANGAN AHLI.
[redacted]
10. PENUTUP.

PENDAHULUAN

Bangunan Sri Taman terletak di atas tapak seluas 0.797 hektar (hampir 2 bkkr)di sebelah atas lereng sebuah bukit di jalan Perdana (dahulu nya dikenali sebagai Jalan Venning),berdakatan dengan Kebun Bunga,Kuala Lumpur.Lokasinya sungguh cantik,dikelilingi oleh pokok-pokokyynng menghijau dan menyamankan suasana keliling dan sunyi dari kesibukan kota.Bangunan ini adalah bekkastempat kediaman rasmi Allah-yarham Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein,Perdana Menteri Malaysia Ke-dua.Tun Abdul Razak bersama keluarganya tinggal di Sri Taman.semekjak bangunan ini siapdidlam tahunn1962 sehingga ke akhir hayat beliau pada bulan Januari,1976.Kemudiannya mulai dari bulam Disember 1981 Sri Ta-man telah dijadikan tempat kediaman rasmi Y.A.B. Dato' Hussein Onn (se-karang bergelar Tun),Perdana Menteri Malaysia katiga sehingga keputusan untuk menjadikan bangunan Sri Taman sebagai 'Memorial Tun Abdul Razak' sebagai memperingatijasa dan sumbang bakti Allahyarham kepada Nagara dan rakyatnya.Memorial ini kan menempatkan segala bahah kepunyaan Allahyarham Tun Abdul Razak serta bahan-bahan lain yang berkaitan dengan Allahyarham.

PETUNJUK 1 Jabatan Arkib Negara Malaysia 2 Memorial Tun Razak 3 Memorial P. Ramlee

Dasar peta dikeluarkan dengan persetujuan Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia. Hakcipta Kerajaan Malaysia. DPNM. 24/04/1 Jld. 28/(47).

Peta menunjukkan kedudukan Memorial Tun Abdul Razak di kawasan Kuala Lumpur.

SEJARAH MEMORIAL TUN ABDUL RAZAK.

Pada mulanya, tapak di mana Bangunan Sri Taman ini dibina adalah dikhaskan untuk pembinnaannrumah Ketua Menteri PersekutuannTanah Melayu (Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra) seperti yang diwartakan dalam warta Kerajaan Selangor,Bilangan 73,bertarikh 21hb. Februari,1957. Seterusnya dalam bulan Jun,L(60),Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra,Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu mencadangkan supaya tapak tersebut digunakan untuk membina sebuah rumah bagi Y.A.B.Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya mengarahkan pihak Kementerian Kerja Raya, Pos dan Telekom mengambil tindakanuuntuk menyediakan dan menguruskan pembinnaan rumah tersebut.

Berikutan dari arahan tersebut satu mesyuarat yang dipengerusikan sendiri oleh Tun Abdul Razak telah diadakan pada 31hb,Oktober 1960. Antara yangg hadir di mesyuarat tersebut ialah wakil-wakil dari Tun Abdal Razak Jabatan Perdana Menteri,Pejabat Perumahan Kerajaan dan juga wakil-wakil dari Jabatan Kerja Raya.Dalam mesyuarat ini,Tun Abdul Razak mencadangkan supaya tapak tersebut digunakan juga untuk membina sebuah rumah kelas 'C' untuk seorang Pegawai Kerajaan di samping rumahnya sendiri.Tun Abdul Razak juga mencadangkan supaya yang dibina untuknya itu hendaklah yang setaraf dengan rumah kelas 'A' sahaja.Di dalam mesyuarat ini juga beliau telah mengarahkan pihak Jabatan Kerja Raya untuk menyediakan pelan baru bagi rumahnya itu.Beliau mahukan perbelanjaan bagi pembinaannya hanya dalam lingkungan $150,000 sahaja.Reka bentuk rumah tersebut henddalah seakan-akan Rumah Persekutuan Singapura dan mempunyai beberapa ciri tertentu seperti berikut:-

1. Di tingkat atas ada 3 buah bilik tidur serta sebuah dewan istirehat(lounge) dan sebuah bilik studi(study room) berhawa dingin;
2. Di tingkat bawah ada sebuah bilik tidur berhawandingin serta sebuah dewan istirehat (lounge)
3. Bilik makan dan bilik tamu (living room)perlu berhawa dingin
4. perlu diadakan kemudahan tempat simpanan kereta untuk kira-kira 60-70 buah kareta.

Walaubagaimanapun ppembinaan rumah seperti yang dicadangkan oleh Tun Abdul Razak itu tidak diteruskan .Sebaliknya beliau telah

bersetuju supaya rumahnya itu dibina dengan berdasarkan kepada pelan asal yang disediakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya untuk Tunku Abdul Rahman yang dicadangkan berharga kira-kira $250,000 dengan sedikit pindaan/tambahan sahaja. Perkara yang perlu dipinda dalam pelan asal ialah bilik tetamu kenamaan (V.I.P room)perlu mempunyai tangga persendirian,serta perlu diadakan 6 unit rumah pekerja dan juga 3 buah stor simpanan kereta.

Keputusan untuk menggunakan pelan asal tersebut telah dipersetujui di dalam mesyuarat yang diadakan di Pejabat Timbalan Perdana Menteri pada 10hb. Mac, 1961,yang juga diadakan dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak.Hadir sama dalam mesyuarat tersebut ialah Encik A.S.H. Komp. Timbalan Setiausaha, Jabatan Perdana Menteri,Encik C.R. Honey dan Encik H.I. Ashley dari Jabatan Kerja Raya dan Encik Lee Moke Sang,pegawai Perumahan Kerajaan.Mesyuarat ini telah juga bersetujui bahawa kos pembinaan yang berharga kira-kira $250,000 itu hendaklah termasuk kos perabot-perabot dan kelengkapan -kelengkapannya sekali,Pihak Jabatan Kerja Raya diarahkan supaya meneruskan kerja-kerja pembinaan dengan seberapa segera dan tender hendaklah dipanggil pada bulan April lanya hendaklah siap pada akhir tahun 1961.

Walaubagaimanapun,oleh kerana beberapa masalah tertentu,pihak Jabatan Kerja Raya hanya dapat memanggil tender untuk kerja-kerja pembinaan rumah tersebut pada akhir bulan Ogos,1961.Sebanyak 16 tender telah diterima daripada syarikat-syarikat pembinaan.Syarikat yang dipilih untuk membina bangunan tersebut ialah Hiap Guan Construction Company,Kuala Lumpur yang menawarkan tender yang paling rendah.Syarikat ini dipilih berdasarkan kepada pengalaman-nya yang lepas di dalam bidang pembinaan.Ianya adalah sebuah syarikat yang berpengalaman dan telah banyak membina bangunan-bangunan di Singapura sebelum ini.

Seterusnya, pada bulan Oktober, 1961,pembinaan bangunan ini baru dapat dimulakan .Pembinaannya telah memakan masa lebih kurang setahun dan akhirnya siap pada bulan Oktober,1962.Sepanjang kerja-kerja pembinaan bangunan yang bersejarah ini dijalankan ia adalah di bawah tanggungjawab dan pengawasan arkiteknya,Encik H.I.Ashley.Beliau adalah seorang arkitek kanan di Jabatan Kerja Rayapada ketika itu.

BANGUNAN(SRI TAMAN)

Bangunan iniddiberi nama 'Sri Taman',hasil dari idea Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj,setelah beliau berbincang dengan Tun Abdul Razak sendiri.

Bangunan ini adalah rumah jenis 2 tingkat yang mempunyai ukuran kira-kira 35mx25.6m dan keluasan lebih kurang 1857 meter persegi (20,000 kaki prsegi).Ia mempunyai reka bentuk 'Californian style',sebagaimana yang di-kehendaki oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sendiri pada asalnya.Di tengah-tengahnya terdapat sebuah taman kecil (court yard)di mana sebuah kolam kecil dibina.Kemudian pada tahun 1966,Allahyarham Tun telah juga membina sebuah 'Japanese garden' di taman kecil itu.Bangunan ini mempunyai sebuah anjung untuk kereta(car porch),yang didirikan dengan menggunakan 6 batang tiang konkrit.

Keadaan bangunan Sri Taman ketika baharu siapadalah seperti berikut:-

Di tingkat bawah: Terdapat sebuah dewan sambut (reception hall),sebuah dewan tamu (living room) yang luas dan sebuah dewan makan yang boleh memuatkan 50 orang tetamu.Di samping itu ada sebuah bilik tidur dan juga sebuah bilik untuk tetamu-tetamu wanita (powder room).Bhhgian dapur juga terletak di tingkat bawah,di samping 2 buah bilik mandi/tandas dan sebuah bilik jentera hawa dingin.

Di tingkat atas: Terdapat 4 buah bilik tidur (termasuk sebuah bilik tidur utama, dan sebuah untuk tetamu kehormaan),sebuah bilik studi, 2bbuhh bilik dandan (dressing room).Di samping itu terdapat juga bahagian balkoni dan bilik-bilik mandi/tandas serta ruang untuk mensetarika pakaian. Di sebelah belakang di tingkat ini terdapat jalan beratap (covered way) yang menghubungi bahagiannkiri dan kanan bangunan.

Untuk menaiki ke tingkat atas,ada terdapat 3 buah tangga.2 daripadanya terletak di kiri kanan bangunan dan satu lagi terletak di sebelah kiri bangunan di antara dewan makan dan bilik tidur . Terdapat sebuahhlagi tangga yang terletak di ruang dapur untuk turun ke rumah pekerja-pekerja.Semasa tinggal di bangunan Sri Taman,Tun Abdul Razak telah membuat beberapa pindaan tertentu dari masa ke semasa.Di antara pindaan yang terbesar ialah pembinaan bilik studi/mesyuarat di sebelah belakang tingkat atas dan pembinaan sebuah tangga pilin(spiral staircase)serta memperbesarkan ruang dapur.Pindaan ini siap dalam bulan Disember,1972.Di samping itu tangga yang terletak di antara dewan makan dengan bilik tidur dirobohkan dan diganti dengan tangga baru yang dibuna di ruang dapur.Sementara itu sebuah pancutan air (fountain) juga dibina di sebelah belakang bangunan sebagai mengindahkan lagi keadaan di - perkarangannya.

Apabila Y.A.B. Tun Hussein Onn mengambil alih bangunan ini kemudiannya beberapa pindaan tambahan telah dilakukan kepada bangunan ini.Di antara

Di antara pindaan yang terbesar ialah dewan makan di tingkat bawah telah diperbesarkan lagi dan ini telah melibatkan rombakan sebuah bilik tidur di tingkat itu. Bilik tidur utama di tingkat atas juga telah diperluaskan lagi dan lantai-lantai di tingkat atas dan bawah bangunan diperbaharui semula. Di sebelah belakang tingkat bawah bangunan diperelokkan lagi dengan membina gerbang-gerbang (arches) baru dan berdindingkan cermin.

MEMORIAL TUN ABDUL RAZAK

Memorial Tun Abdul Razak terletak di Sri Taman, Jalan Perdana, Kuala Lumpur. Ia terletak berhampiran dengan Muzium Negara, Masjid Negara, Tugu Negara dan Bangunan Parlimen, Sri Taman yang terletak di lereng salah sebuah bukit kediaman rasmi Perdana Menteri Malaysia kedua iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak dan keluarganya semenjak bangunan tersebut dibina khas untuk beliau dalam tahun 1962 sehingga ke akhir hayatnya pada bulan Januari 1976.

Dalam tahun 1981, Y.A.B. Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengarahkan supaya Sri Taman dijadikan Memorial Tun Abdul Razak bagi memperingati jasa dan sumbangan Allahyarham Tun terhadap bangsa dan negara. Memorial ini bertujuan untuk memelihara kekal di samping mempamerkan kepada umum bahan-bahan kepunyaan dan yang ada kaitan dengan Allahyarham Tun.

Mulai daripada tahun 1982, Bangunan Sri Taman dijadikan sebagai Memorial Tun Abdul Razak. Rupa bentuk di dalamnya telah diubahsuai untuk menjadikannyaa sebagai sebuah institusi yang sesuai untuk mempamerkan bahan-bahan pameran mempunyai 16 ruang pameran iaitu 9 di tingkat bawah dan 7 di tingkat atas. Ruang-ruang tersebut adalah dibahagi untuk pameran mengenai perkara-perkara berikut:-

Tingkat Bawah

1. Biografi
2. Hadiah dan Cenderamata
3. Kegiatan Keagamaan
4. Kegiatan Pembangunan
5. Kegiatan Politik
6. Kegiatan Sosial

---

7. Pelajaran
8. Personalia
9. Pertahanan

Tingkat Atas:


1. B ilik Studi
2. Bilik Tidur Utama.
3. HalEhwalLuar Negeri
4. Hobi
5. Kembali Ke Rahmatullah
6. Kegiatan Tun Rahah
7. Yayasan Tun Abdul Razak



Ruang Pameran Di Tingkat Bawah Dan Di Tingkat Atas.

PERKARANGAN BANGUNAN

Di perkarangan bangunan terdapat kawasan laman yang luas dengan ditanam dengan pokok-pokok tertentu seperti pokok ru dan pokok buah-buahan. Allahyarham gemar kepada tanam-tamaman dan banyak daripada pokok buah-buahan yang ada telah ditanam semasa baliau mendiami Sri Taman. Allahyarham juga gemar menternak ayam, itik dan di sebelah kiri bangunan di bahagian bawah bukit terdapat reban ayam peliharaan Allahyarham.




Pandangan di reban ayam

Di sebelah kanan bangunan berhampiran dengan pagar ialah rumah yangg menempatkan pemandu kereta Perdana Menteri dengan stor kereta.Terdapat juga bangunan papan yang menempatkan pasukan polis yang bertugas di kawasan Sri Taman serta sebuah surau.


Di sebelah kiri bangunan pula iaitu di bawah lereng bukit terdapat rumah - rumah kediaman pekerja Sri Taman.

Di sebelah bawah bangunan ini terdapat model rumah Felda.Rumah ini adalah sumbangan daripada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda).Felda adalah satu-satunya rancangan raksasa kelolaan Allahyarham dengan tujuan memperbaiki struktur kehidupan masyarakat kampung.




Contoh rumah Felda yang dihadiahkan oleh pihak FELDA

Oleh kerana kawasan Sri Taman ialah kawasan larangan,yang mempunyai pagar setinggi 2.92m,pintu masuknya dikawal rapi oleh anggota polis.Tiap-tiap pintu masuk dan keluar mempunyai pondok kawalan yang rdijaga sepanjang masa.





Koleksi Hadiah dan Cenderamata Tun Abdul Razak




Hadiah dan Cenderamata dari Tentera Laut Di raja Malaysia

(DI RUANG HADIAH DAN CENDERAMATA)






Koleksi Keris dan Pedang Kepunyaan Tun Abdul Razak.




obahagian dari koleksi personalia Allahyarham Tun Abdul Razak.

(di ruang personalia)






Pandangan dari satu sudut di ruangan personalia.



Pandangan dari satu sudut di bilik studi.




Pemandangan dari sudut tempat mesyuarat di bilik studi.




Keadaan bilik studi Tun Abdul Razak.




Potret lukisan Tun Abdul Razak dan Tun Hajah Rahah ditanggga naik ke atas.




Peti besi kepunyaan Tun Abdul Razak.




Kerusi rehat di bilik tidur utama Tun Abdul Razak.



Katil Tun Abdul Razak suami isteri di bilik tidur utama.




Pandangan dari suatu sudut di bilik tidur utama.




Antara koleksi Hobi Tun Abdul Razak.




Gambar menunjukkan ketika peristiwa jenazah Tun Abdul Razak dikebumikan.



Kain songket kepunyaan Tun Hajah Rahah yang digunakan untuk menutup keranda Allahyarham Tun Abdul Razak.



Bot laju kepunyaan Tun Abdul Razak yang terletak di depan bangunan tersebut.




reta golf ini juga kepunyaan Tun Abdul Razak.

ALLAHYARHAM TUN HAJI ABDUL RAZAK
BIN DATO' HUSSEIN,1922 -1976

TUN ABDUL RAZAK dipercayai berasal daripada keturunan To'TTuan seorang bangsawan Bugis yang datangkke Pahang pada tahun 1722dan berkahwin dengan seorang gadis Pahang.To' Tuan telah menetap di Pahang dengan membuka perusahaan tenunan sutera.Cicit perempuan kepada To' Tuan iaitu To' Mas telah berkahwin dengan To' Bandar Jenal,Orang Kaya Indera Shahbandar kedua iaitu anak kepada To' Tondek.Gelaran ini kemudiannya telah diwarisi turun temurun oleh keturunan beliau kecuali O.K.I.S. kelapan di mana selepas kematian To' Alik, O.K.I.S. ketujuh.Gelaran ini telah jatuh kepada Che Osman anak kepada Imam Perang Indera Mahkota Gendut.Bagaimanapunmpada 1930, gelaran itu telah dikembalikan kepada Che Hussien Bin Awang Mohd.Taib,ayah kepada Tun Abdul Razak dan kemudian diwarisi oleh Tun Abdul Razak sendiri dan seterusnya anak sulung beliau Mohd.Najib sebagai O.K.I.S. kesebelas.

TUN HAJI ABDUL RAZAK anak sulung kepada Dato' Hussien bin Mohdd Taib dan Hajah Teh Fatimah bt. Daud telah dilahirkan pada 11hb Mac 1922 di Pulau Keladi,Pahang.Bapa beliau ketika itu bertugas sebagai Penolong Pegawai Daerah di Daerah Temerloh dan kemudiannya sebagai Pegawai Daerah Bentong.Beliau telah tinggal bersama serta dibesarkan oleh datuknya, Haji Mohd Taib bin Andak di Kampung Jambu Langgar, Pekan, Pahang.

Bapa Tun Abdul Razak ialah Dato' Hussien bin Mohd Taib, berasal daripada keturunan pembesar Johor - Bugis yang berhijrah ke Pahang semenjak kurun ke 18 lagi.Dianugerahkan gelaran Orang Kaya Indera Shahbandar yang diwarisi oleh keluarga beliau turun temurun.Beliau adalah penuntut Maktab Melayu Kuala Kangsar pada tahun 1916.Beliau telah menjadi seorang Pegawai British di Pahang. Empat tahun kemudiannyaabeliau telah berkahwin dengan Teh Fatimah dari Pulau Keladi,Pekan,Pahangdan11hbMac 1922 telah dikurniakan seorang putera iaitu diberi nama Abdul Razak.Pada tahun 1924 beliau menjawat jawatan Penolong Pegawai Daerah Temerloh dan berpindah ke Kuantan.pada tahun 1933.Dari sini beliau telah melibatkan diri dalam arena politik dimana beliau telah menjadi salah seorang ahli mesyuarat negeri.Beliau juga merupakan salah seorang penentang kuat Pertubuhan Malayan Union dan juga menjadi Presiden Kesatuan Melayu Pahang pada masa itu.Pada tahun 1950 ketika Abdul Razak masih menutut di London,Dato' Hussien meninggal dunia.



apa Tun 'Abdul Razak (Dato' Hussien)



Ibu Tun Abdul Razak (Hjh.Teh Fatimah)

Ibu kepada Tun Abdul Razak ialah Hajjah Teh Fatimah bte Daud.Ibu kepada Tun adalah berasal daripada Pulau Keladi,Pekan, Pahang.Beliau berkemungkinan mempunyai darah Bugis iaitu cucu di sebelah keturunan Sultan Hasanuddin.Pada tahun 1920 Hjh. Fatimah telah berkahwin dengan Datò' Hussien b. Mohd. Taib yang ketika itu sedang berkhidmat sebagai seorang pegawai di Raub.

Tun Abdub Razak adalah anak sulung kepada Dato' Hussien bin Mohd. Taib dan Hajah Teh Fatimah bt. Daudttelahdidilahirkan pada hari Jumaat 11hb Mac 1922 di Pulau Keladi, Pahang.Bapa beliau ketika itu bertugas di daerah Temerloh sebagai Penolong Pegawai Daerah, dan kemudiannya sebagai Pegawai Daerah Bentong.Beliau telah tinggal bersamaserta dibesarkan oleh datuknya, Haji Taib bin Andak di Kampung Jambu Langgar, Pekan, Pahang.

Tun Abdul Razak mendapat pendidikan awalnya, di sebuah sekolah umum di Kampung Jambu Langgar, dan tamat persekolahan pada tahun 1933,sehingga darjah empat.Pada tahun 1934 beliau beppeluang menyambung pelajarannya di Kolej Melayu Kuala Kangsar serta tamat pengajian rendah dan menengah di Kolej tersebut serta mendapatasijil-sijil Junior dan Senior Cambridge, dengan mengambil masa cuma 4½ tahun sahaja.Pada tahun 1939, beliau berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir Melayu (dalam peroubaan) juga di Kolej tersebut, satu-satunya jawatan tertinggi

untuk anak Melayu ketika itu.Semasa belajar, Tun Abdul Razak disifatkan oleh gurunya sebagai seorang murid yang bersungguh-sungguh dalam pelajaran, bersifat lemah lembut tapi tekun dalam menghadapi pelajaram.Beliau seterusnya melanjutkan pelajarannya di Kolej Raffles Singapura pada tahun 1940 tetapi pelajarannya terbantut kerana Jepun menyerang Tanah Melayu pada bulan Disember 1941.

Pada tahun 1943, beliau telah dihantar ke Sekolah Tentera Jepun di Singapura selama enam bulan, kemudian telah dilantik sebagai Jurubahasa (penterjemah) Jepun kepada bapanya di Bentong.Lapan belas bulan kemudian,walaupun masih berkhidmat dengan perintah Jepun,beliau telah menyertai Pasukan 136 bersama-sama (Datuk) Yeop Mahiddin secara rahsia di daerah-daerah Bentong,Lipis dan Raub,sehinggalah pada tahun 1945,beliau telah diterima secara rasmi sebagai anggota Pasukan 136,berpangkat Kapten.Pada tahun 1947 beliau telah berpeluang melanjutkan pelajarannya di Britain,serta lulus dalam jurusan undang-undang dari Inns of Court, dalam jangka waktu lapan belas bulan sahaja.Beliau kemudiannya mengikuti Second Devonshire Course,Universiti Cambridge dalam bidang ekonomi dan pentadbiran awam,Setelah Tamat kursus tersebut beliau mengikuti pula kursus Sarjana Muda Sains Ekonomi (Ijazah Luar), Universiti London,tetapi hanya lulus peperiksaan peringkat Intermediate sahaja kerana beliau telah dipanggil pulang ke Tanah Melayu berikutan kematian bapanya.Pada 3 Mei 1950, beliausseorangrasmi dianugerahkan Degree of an Utter Barrister di Lincoln's Inn serta diterima sebagai seorang peguam setelah menjelani pelatihan selama enam bulan di sebuah firma guaman di London,di bawah pengawasan Encik Theo Sophian.

Semasa di Britain,beliau telah bergiat aktif dalam beberapa pertubuhan, termasuklah Parti Buruh Britain.Di samping menjadi Presiden Pertubuhan Pelajar-pelajar Melayu Britain, beliau juga telah menubuhkan dan mengasaskan Malayan Forum, sebuah organisasi politik yang memberi peluang kepada para pelajar Malaya daripada semua kaum untuk membincangkan masalah politik tanahair.

Sekembalinya beliau ke tanahair,beliau telah berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan Pahangdan kemudiannya sebagai Setiausaha Kerajaan Pahang. Pada 1 November 1950,beliau telah dilantik secara rasmi sebagai Orang Kaya Indera Shahbandar (O.K.I.S) yang ke-10,bagi menggantikan bapanya,Pada tahun 1952 beliau telah melangsungkan perkahwinannya dengan (Tun Hajah) Rahah bt. TanSSri Haji Mohd. Noah.

Tun Abdul Razak merupakan seorang yang berkaliber dalam bidang politik. Hanya selepas empat bulan menganggotai parti Pertubuhan Kebangsaan Melayuu Bersatu (UMNO),beliau telah dilantik sebagai Ketua Pemuda UMNO pada tahun 1950, dan sekaligus sebagai Naib Pengerusi UMNO.Beliau telah menolak tawaran untuk

memimpin UMNO ketika Dato' Oon mengundutkan diri,tetapi sebaliknya,mengusulkan melalui UMNO Kuala Lipis mencalonkan Tunku Abdul Rahman untuk menerajui UMNO. Pada tahun 1955, beliau telah memangku jawatan Mentori Besar Pahang.



Perkahwinan Tun Abdul Razak dan Tun Hajah Rahah pada 1952.

Dalam Pilihanraya Umum Pertama yang diadakan pada tahun 1955 beliau yang mewakili kawasan Semantan telah memperolehi kejayaan cemerlang dan dilantik sebagai Menteri Pelajaran dalam kabinet kerajaan Tunku.

Perkahwinan beliau dengan Tun Hajah Rahah kemudiannya dikurniakan Allah lima orang cahaya mata, iaitu Dato' Seri Mohd.Najib,Menteri Belia dan Sukan (1953); Ahmad johari (1954); Mohd Nizam(1958); Mohd Nazim(1963); dan Mohd Nazir(1966).


Pada 9 Ogos 1955, semasa menjawat jawatan Menteri Pelajaran beliau telah memperkenalkan Dasar Pelajaran Kebangsaan,dan pada bulan Mei 1956, Laporan Penyata Razak diterbitkan. Dalam waktu yang sama,beliau telah ditugaskan menyedia Perlembagaan Negara, iaitu Perlembagaan Malaya Merdeka, dan dilantik sebagai Pengerusi Jawatan KerjaPerlembagaan (Constitutional Working Party).

Beliau juga telah dilantik sebagai Pengerusi Jawahankuasa Perayaan Kemerdekaan.



Tun Abdul Razak bersama ahli-ahli keluarganya.

Rombakan pertama Kabinet Tunku Abdul Rahman pada 31 Ogos 1957 telah melotakkan Tun Abdul Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri manakala jawatan Monteri Pelajaran telah diserahkan kepada (Tan Sri) Mohd Khir Johari. Pada 10 September 1957, beliau telah dilantik sebagai Menteri Pretahanan. Pada 16 April, 1959 beliau telah menjawat jawatan Perdana Menteri, yang dilantik secara rasmi oleh D.Y.M.M Yang Dipertuan Agong menggantikan Tunku Abdul Rahman yang ingin berehat serta menyusun strategi Pilihanraya Umum. Pada 15 Julai 1959 pula beliau umumkan Pilihanraya Umum, yang diadakan pada 19 Ogos, 1959. Beliau yang mewakili kerusi Parlimen Pekan, telah mendapat majoriti yang besar. Pada 21 Ogos 1959, walaupun mendapat bantahan daripada beberapa pemimpin UMNO yang lain, beliau telah menyerahkan kembali jawatan Perdana Menteri kepada Tunku Abdul Rahman. Tun Abdul Razak dilantik semula sebagai Timbalan Perdana Menteri; juga sebagai Menteri Pertahanan dan Menteri Dalam Negeri. Pada 17 November 1959. beliau telah dilantik sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar. Pada tahun 1960, beliau telah merangka suatu dasar pembangunan, meliputi setiap keperluan negara, dikenali sebagai Buku Merah, dan membantuk sebuah Bilik Gerakan Negara, demi mencatatkan segala kemajuan, ataupun kegagalan rancangan-rancangan tersebut.




Tun Abdul Razak telah merintis pembentukan Malaysia di London, yang dianggotai oleh Persekutuan Tanah Melayu, Brunei, Sabah, Sarawak dan Singapura; sehubungan itu satu perjanjian Agreement Relating to Malaysia telah ditandatangani pada 9 Julai, 1963. Perjanjian ini telah ditentang oleh Republik Indonesia di bawah pimpinan Soekarno. Ketokohan Tun Abdul Razak lebih terserlah apabila beliau telah dapat menyelesaikan masalah tersebut dan konfrantasi secara damai, dengan termeterainya suatu Agreement to Normalise Relations between Malaysia and The Republic of Indonesia, pada 11 Ogos, 1966.

Darurat diisytiharkan apabila tercetusnya kekacauan perkauman sesudah Pilihanraya Umum 10 Mei 1969. Parlimen digantung, dan negara telah diperintah oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak. Sebagai pengarah MAGERAN, beliau telah berjaya memulihkan keamanan negara. Pada 22 September 1970, sekali lagi beliau dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia, menggantikan Tunku. Pada tahun 1971, Dasar Ekonomi Baru melalui Rancangan Malaysia Kedua dilancarkan, dengan matlamat menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum, dan menyusun semula masyarakat untuk menghapuskan pengenalan kaum melalui kegiatan ekonomi. Penjelmaan Dasar Ekonomi Baru serta Rukunegara telah memberi semangat baru kepada rakyat Malaysia untuk maju memupuk kestabilan politik, ekonomi dan sosial.

Brunei telah menarik diri daripada menganggotai Penubuhan Malaysia pada 8 Julai, 1963.

Pembentukan Barisan Nasional pada 22 Disember 1972 yang menggabungkan parti-parti politik demi memperkukuhkan lagi ketahanan Nasional, telah berjaya menukarkan corak politik konfrotasi kepada musyawarah dan dialog. Beliau juga telah membantuk suatu dasar luar negara yang berkesan serta menjamin keselamatan negara, dan rantau Asia Tenggara, yang memperkenalkan prinsip Aman, Bebas dan Berkecuali di Perisytiharaan Kuala Lumpur pada 27 November 1971. Sebagai Menteri Luar Negeri, beliau telah merintis jalan menjalin kembali perhubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China, dengan lawatan rasmi enam hari kesanna pada 28 Mei 1974. Pada 31 Mei 1974, beliau telah menandatangani Kenyataan Bersama Hubungan Diplomatik Malaysia - China, di Beijing; suatu penjelmaan konsep menjalinkan persahabatan dengan semua negara, tanpa mengira idelogi politik atau corak sosial.

Tun Abdul Razak adalah seorang pembaharu yang dinamis. Di sebalik perwatakannya yang lemah-lembut dan pendiam, beliau adalah seorang pemimpin yang tegas, gigih, serta telah berjaya mengubah corak masyrakat, khususnya masyarkkat luar bandar, sehingga menjadikan Malaysia dikenali di peringkat antarabangsa. Sumbangan beliau kepada negara dalam rangka pembangunan negara dan luar bandar telah mendapat perhatian, pengiktirafan dan penghargaan dari Filifina, dengan kurniaan Magsaysay Award dari The Magsaysay Foundation of the Philippines, pada 31 Ogos 1967.




Surat Pengisytiharaan Kuala Lumpur pada 27 November 1971.

Bersesuian dengan jasa beliau, Tun Abdul Razak digelar 'Bapa Pembangunan'. Gelaran ini diberikan kepada beliau kerana sumbangannya yang tidak ternilai terhadap pembangunan luar bandar. Dengan dasar dan polisi yang dilancarkan oleh Tun Abdul Razak, rakyat di kampung dan desa telah dapat mengecapi kemudahan-kemudahan hasil dari pembangunan sosial dan ekonomi.

Beliau akan sentiasa diingati atas usaha-usaha menubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang bertujuan untuk meneroka tanah-tanah terbiar bagi dijadikan kawasan bercucuk tanam dan penempatan. Beliau juga telah melancarkan Rancangan 'Buku Merah' yang bertujuan untuk mengkaji perlaksanaan projek-projek pembangunan di luar bandar.


Beliau juga telah melancarkan Rancangan 'Buku Hijau' untuk menggalakkan rakyat bercucuk tanam bagi menambahkan pengeluaran makanan. Dalam tahun 1970 Tun telah melancarkan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyrakat bagi memperseimbangkan ekonomi. Sehingga hari ini dasar ini masih menjadi asas dalam pembangunan sosial dan ekonomi Malaysia.

Dalam tahun 1956 beliau telah melahirkan 'Penyata Razak' untuk membantu dalam melaksanakan dasar pelajaran kebangsaan. Beliau berpendapat pelajaran adalah sesuatu yang penting untuk penbangunan. Ini terbukti dengan lahirnya ribuan sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi seperti Universiti Kebangsaan Malaysia dan Institut Teknologi MARA. Dalam hubungan luar negeri, beliau berpegang pada konsep kerjasama serantau dan beliau ialah salah seorang pengasas Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).



Sesungguhnya, Tun Abdul Razak ialah seorang yang berpandangan jauh, yang tidak mengenal penat dalam usahanya untuk memberi kemudahan kepada rakyat negara ini.

Tetapi Allah lebih menyayanginya, Tun Abdul Razak telah pulang ke Rahmatullah di London pada 14 Januari 1976 ketika berusia 53 tahun. Jawatan terakhir yang disandang oleh beliau ialah Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan. Namun ini adalah janji Allah yang tidak dapat dimungkiri oleh manusia. Jasad beliau telah disemadikan di Makam Pahlawan (Masjid Negara).




Kain ini adalah kain songket dan bendera yang menutupikkranda Allahyarham Tun Abdul Razak.

Pada 20 Februari 1976, lima minggu selepas pemergian Allahyarham menghadap Yang Khaliq, Yayasan Tun Abdul Razak dilancarkan. Pada 3 Ogos 1976, Rang Undang-undang Yayasan Tun Abdul Razak dibentangkan di Dewan Rakyat dan pada 28 Oktober 1976 telah menerima Perkenan Diraja. Pada 17 Mac 1980, Kerusi Tun Abdul Razak diwujudkan di Universiti Ohio, Amerika Syarikat sebagai suatu usaha memperkenalkan pengajian tentang Asia Tenggara, khususnya Malaysia, dikalangan para ahli akademik dan pelajar universiti di Amerika Syarikat. Pada 6 Mei 1982, sebuah Memorial Tun Abdul Razak ditubuhkan secara rasmi ditadbir dan dikelolakan oleh Arkib Negara Malaysia, berdasarkan kepada konsep Perpustakaan Kepresidenan, seperti The Herbert Hoover Presidential Library di Amerika Syarikat dan Nehru Memorial Museum and Library of India. Semua ini bukanlah sebagai suatu pemujaan tokoh, tetapi adalah sebagai mengenang dan memperingati jasa baik Allahyarham Tun Abdul Razak, kepada nusa dan masyarakat. Semoga Allah menaungi Rahmat ke atas rohnya.

Allahyarham Tun Abdul Razak banyak menerima anugerah darjah-darjah kebesaran negara,sama ada di dalam ataupun di luar negeri.Di antara darjah-darjah kebesaran negara yang dianugerahkan kepada Allahyarham ialah O.K.I.S. ke-10,1950;D.K. (Brunei),1958; S.M.N.,1959; D.P.M.B. (Brunei),1960; S.P.M.K. (Kelantan),1961; S.P.M.J.1964; S.P.M.T., 1964; S.P.M.S., 1965; S.P.M.P.,(Perlis),1965; D.K. (Kelantan),1970; S.P.D.K.,1971; K.O.M.,1973; S.I.M.P.(Pahang),1973; D.U.B.K. (D.P.),1973; S.P.C.M.,1976; D.M.N.,1976; SD.M.M.,1976; dan D.U.P.N. (Pulau Pinang), 1982.



Sebahagian daripada darjah-darjah kebesaran yang berada di ruang Personalia.



Sebahagian daripada darjah-darjah kebesaran dari negara-negara luar.

Selain daripada itu, Allahyarham juga ada menerima anugerah darjah-darjah kebesaran dari negara-negara luar, di antaranya ialah Knight Grand Cordon of the Most Noble of the Crown of Thailand, 1964; Order- Grand Officer, 1965; Order of the Grand Cross in the Order of the Crown, Belgium, 1967; Associate Knight of the Most Venerable Order of the Hospital of St. John of Jerusalem, 1967; Grand Croix Homayoun, Iran, 1968; Grand Cross of the Order of Merit, Jerman Barat, 1968; Grand Cross of the Order of Oranje Nassau, The Netherlands, 1970; Bintang Republik Indonesia, Kelas Dua, 1970; Bintang Kartika Eka Paksi, Indonesia, 1970; First Class Order of the White Elephant, Thailand, 1970; Piagam Kehormatan Bintang Mahaputra Klas Satu, Indonesia, 1970; dan The First Class of the Order of the Rising Sun, Jepun, 1971.

SUZIE....90'

Pandangan Ahli Terhadap Memorial Tun Abdul Razak.

Kami semua berpendapat yang bangunan Memorial Tun Abdul Razak adalah tempat yang menarik dengan bahan sejarahnya iaitu mengenai Allahyarham T.Tun Abdul Razak.Semua ceritanya lengkap dari Allahyarham kecil hingga Allahyarham meninggal dunia juga beserta sekali dengan gambar - gambar Allahyarham.Dari dalam bangunan saja telah menarik minat kami semua untuk melihat keadaan sekelilingnya.

Mengenai kawasannya, cukup luas.Disitu juga terdapat sebuah padang yang luas dan rumputnya berwarna kehijauan yang asli.Padang ini tidak dibenarkan dipijak atau bermain diatasnya. Ini adalah untuk dijaga rapi supaya kelihatan cantik setiap masa.

Bangunan ini terletak di sebuah bukit.Udara disini sungguh nyaman sekali walaupun diwaktu tengahari.Bangunan ini juga berhampiran dengan taman - taman rekreasi seperti Taman Orkid, Taman Kancil dan jugg Lake Garden.Bersebelahan dengan bangunan ini ialah Balai Polis Sri Aman.Inilah yang menyebabkan kami menyukainya atau pada pelawat lain kerana suasana yang sesuai dan cantik dari dalam bangunan mahupun diluar dan persekitarannya.Selain itu juga pekerja - pekerja yang bekerja disana semuanya peramah dan bekerjasama

Inilah saja pandangan kami iaitu ahli kumpulan sejarah Sek. Men. Keb. Gombak Setia yang terdiri daripada Heilmy Idris,Suzita Ghazali, Bahariiah Ariffin, Siti Noraliza Rahmat, Azhani Abd. Aziz, Hasleena Othman, Heidy Idris,dan Nik Adlee Saha mengenai bangunan kajian sejarah kami iaitu Bangunan Memorial Tun Abdul Razak.

KUMPULAN SEJARAH
2P2
******SMKGS*****

Penghargaan kepada:

Berjuta - juta terima kasih diucapkan kepada Pegawai Perhubungan Awam iaitu Encik Wan Hussain B. Wan Ismail, atas kerjasama beliau membantu kami dalam projek sejarah ini. Juga kami ucapkan terima kasih kerana memberi kebenaran kepada kami untuk mengambil gambar dan terima kasih kerana sudi meluangkan sedikit masa untuk kami walaupun dalam keadaan yang kesibukkan.

Juga kami berterima kasih kepada penyambut - penyambut tetamu di Memorial Tun Abdul Razak kerana terpaksa bekerja keras sedikit pada hari itu semata - mata untuk memberi tunjuk ajar pada kami bagaimana mengambil gambar dengan cara yang baik.Juga terpaksa mengikut kami kemana kami pergi dari pagi hinggalah ke petang.

Tidak dilupakan juga buat guru sejarah kami iaitu Cik Rogayah Redzuan, yang banyak memberi tunjuk ajar kepada kami cara - cara membuat kajian sejarah ini dengan baik.

Akhir sekali untuk semua ahli kumpulan ini iaitu terdiri daripadas Heilmy Idris, Suzita Ghazali, Bahariiah Ariffin, Azhani Abd. Aziz, Siti Noraliza Rahmat, Hasleena Othman, Heidy Idris dan Nik Adlee Saha kerana memberikan kerjasama yang bersungguh - sungguh untuk sama -sama menjayakan projek sejarah tempatan ini.Terima kasih sekali lagi.

Semoga berjaya.Sekian,Wassalam.

KUMPULAN SEJARAH
2P2
******BMKGS*****



19